

MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 2 TAHUN 2024
JABATAN LANDSKAP NEGARA

Tarikh	:	18 Julai 2024
Masa	:	10.30 pagi
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Bunga Raya Jabatan Landskap Negara

HADIR:**Wakil Pihak Pegawai**

1. Encik Mansor bin Mohamad
Ketua Pengarah – **Pengerusi**
2. Encik Ahmad Syaharuddin bin Kamaruddin
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
3. Encik Syamsul Erwin bin Muhamad Lagis
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

Wakil Pihak Pekerja

1. Encik Azrel bin Ismail
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan Landskap – **Pengerusi Bersama**
2. Encik Raja Faeerull Asraf bin Raja Alim
Penolong Arkitek Landskap Kanan
Bahagian Promosi dan Industri Landskap – **Setiausaha Pihak Pekerja**
3. Encik A Danial bin Ismail
Penolong Pengarah
Bahagian Promosi dan Industri Landskap
4. Puan Colina binti Awi
Penolong Arkitek Landskap
Bahagian Khidmat Teknikal
5. Encik Ahmad Nasron bin Yusoff @ Bos'an
Penolong Juru Ukur Bahan
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan
6. Encik Mustaim bin Mat
Ketua Pembantu Tadbir
Bahagian Khidmat Pengurusan

Urus Setia

1. Puan Wan Zafirah Hanim binti Wan Mohamad
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Khidmat Pengurusan
 2. Puan Hernizawati binti Abdul Majid
Ketua Pembantu Tadbir
Bahagian Khidmat Pengurusan
 3. Encik Muhammad bin Abdul Latip
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Khidmat Pengurusan
- **Setiausaha
Pihak Pegawai**

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:**Wakil Pihak Pegawai**

1. Dr. Mazifah binti Simis
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

TIDAK HADIR:**Wakil Pihak Pekerja**

1. Encik Mohd Samsi bin Sumairi
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan Landskap
2. Encik Muhammad Radwan bin Yusof
Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Teknikal
3. Encik Ahmad Radhi bin Rossidin
Penolong Arkitek Landskap
Bahagian Taman Persekutuan
4. Encik Muhamad Azuha bin Ramli
Penolong Arkitek Landskap
Bahagian Pembangunan Landskap

1.0 PERUTUSAN PENGERUSI

- 1.1 Tuan Pengerusi mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat MBJ JLN Bil. 2/2024.
- 1.2 Pengerusi berharap platform MBJ serta persefahaman antara Pihak Pekerja dengan Pihak Majikan dapat menyumbang kepada kesejahteraan warga JLN serta pencapaian matlamat pihak pengurusan.
- 1.3 Pengerusi juga meminta semua ahli mengambil perhatian akan Laporan Indeks Kesejahteraan Psikologi Warga KP KT Tahun 2023, dimana indeks kepuasan bekerja warga KP KT termasuk JLN telah menurun berbanding tahun-tahun sebelumnya. Sehubungan itu, MBJ diharap dapat dijadikan platform kepada pihak pekerja untuk menyalurkan permasalahan atau isu berkaitan persekitaran kerja, untuk diselesaikan bersama oleh Wakil Pihak Majikan dan Pihak Pekerja.
- 1.4 Pengerusi turut menekankan hasil dapatan Laporan Profiling Digital Kesihatan Psikologi Pegawai Perkhidmatan Awam (MyPsyD) Tahun 2024 di peringkat KP KT yang melaporkan tahap kesihatan psikologi pegawai yang agak membimbangkan. Pengerusi berharap warga JLN dapat menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab disamping menguruskan kewangan peribadi dengan baik.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil. 1/2024 bertarikh 8 Mac 2024 disahkan tanpa sebarang pindaan.

3.0 PERKARA – PERKARA BERBANGKIT

3.1 Cadangan Pertemuan Dengan Unit Kewangan Bagi Membincangkan Isu-Isu Berkaitan Tuntutan Bayaran

- 3.1.1 Mesyuarat dimaklumkan perbincangan diantara BKP dengan bahagian-bahagian melibatkan isu kewangan dan pembayaran akan dilaksanakan berdasarkan kepada *case-by-case basis*.

- 3.1.2 Mesyuarat turut dimaklumkan perbincangan akan diadakan bersama pegawai projek yang berkaitan dan pegawai dari Bahagian Akaun serta Bahagian Kewangan dan Perolehan KPJK, supaya tindakan penyelesaian dapat dibuat dengan mematuhi tatacara kewangan yang berkuatkuasa dan lebih fokus serta jelas.
- 3.1.3 Wakil Pihak Pekerja juga memohon penjelasan mengenai keperluan pengesahan jadual sebenar program berbanding tentatif program bagi penyediaan tuntutan perjalanan.
- 3.1.4 P/U menjelaskan pegawai hanya perlu menggunakan tentatif sedia ada, akan tetapi segala pertambahan perjalanan atau tugas perlu dibutirkan di dalam kenyataan tuntutan berserta penerangan atau justifikasi penambahan tersebut, serta mendapat pengesahan dan kelulusan Pengarah Bahagian.
- 3.1.5 Pengurus turut memaklumkan seorang wakil daripada cawangan Dasar dan Pembangunan akan ditempatkan sementara di Unit Kewangan BKP bagi membantu proses tuntutan bayaran projek pembangunan.
- 3.1.6 Wakil Pihak Pekerja dimohon memaklumkan kepada pihak pekerja mengenai penempatan sementara tersebut.

Wakil Pihak Pekerja

3.2 Parkir

- 3.2.1 Mesyuarat dimaklumkan susun atur parkir aras P1 telah dikemaskini berdasarkan perjawatan terkini JLN.

Makluman

3.3 Fleksibiliti Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Jabatan (JTPJ)

- 3.3.1 Mesyuarat mengambil perhatian semua Pengarah Bahagian telah dimaklumkan akan keputusan Pengurus supaya kesemua pegawai perlu hadir ke mesyuarat JTPJ bagi mengetahui isu-isu berkaitan projek serta mempelajari aspek teknikal projek-projek lain.

Makluman

3.4 Lantikan Wakil Pihak Pekerja Skim Kader Pelaksana serta Skim Gunasama/ Skim Tertutup Pelaksana

3.4.1 Mesyuarat dimaklumkan wakil Kader Pelaksana, En. Ahmad Nasron bin Yusoff @ Bos'an serta wakil Skim Gunasama / Skim Tertutup (KPKT) Pelaksana, En. Mohd Mustaim bin Mat telah dilantik pada 11 Mac 2024.

Makluman

3.5 Lantikan Pegawai Pemeriksa Aset Bahagian

3.5.1 Mesyuarat mengambil maklum perbincangan MBJ mengenai pusingan kerja bagi Pegawai Pemeriksa Aset Bahagian telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Pengurusan JLN Bil. 3/2024 pada 2 April 2024.

Makluman

3.6 Peruntukan KPKT kepada KEKSAR JLN

3.6.1 Mesyuarat mengambil maklum Setiausaha KEKSAR akan berhubung dengan pihak KESKEP berkaitan permohonan peruntukan dari KPKT.

Makluman

3.7 Pemantauan Pegawai Yang Bertugas Luar Pejabat

3.7.1 Mesyuarat mengambil maklum perbincangan MBJ mengenai pemantauan kekerapan pegawai yang dibenarkan bertugas di luar pejabat telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Pengurusan JLN Bil. 3/2024 pada 2 April 2024.

3.7.2 Mesyuarat turut mengambil perhatian Unit Integriti telah menjalankan pemeriksaan mengejut keberadaan pegawai di ruang pejabat dan lima pegawai diminta mengemukakan surat tunjuk sebab ketiadaan di pejabat. Pengerusi turut mengarahkan pegawai memohon kebenaran keluar pejabat sekiranya mempunyai urusan persendirian.

Makluman

4.0 USUL-USUL BAHARU

4.1 Permohonan Cuti Gantian Bagi Pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P)

- 4.1.1 Mesyuarat diminta mempertimbangkan cadangan supaya kelulusan cuti gantian dipertimbangkan kepada pegawai P&P, terutamanya yang bertugas semasa Hari Landskap Negara (HLN) tahun 2024 serta yang kerap bertugas pada hari minggu dan cuti am.
- 4.1.2 Mesyuarat turut diminta memberi keutamaan cadangan tersebut kepada pegawai P&P yang hanya mempunyai kelayakan cuti tahunan 25 hari.
- 4.1.3 Pengerusi memohon BKP menyemak sama ada permohonan cuti gantian P&P boleh dipertimbangkan oleh Ketua Jabatan.

Tindakan: P/U

4.2 Pemilihan Bidang Selain Daripada Senibina Landskap Bagi Permohonan Sambung Belajar Pegawai Pelaksana

- 4.2.1 Mesyuarat diminta mempertimbangkan cadangan supaya pegawai pelaksana yang memohon untuk menyambung pengajian boleh memilih sebarang program selain dari senibina landskap, berdasarkan bidang yang disenaraikan oleh JPA.
- 4.2.2 Pengerusi bersetuju bahawa permohonan sambung belajar adalah berdasarkan garis panduan dan peraturan yang berkuatkuasa.
- 4.2.3 Mesyuarat turut dimaklumkan keputusan tersebut akan dimaklumkan dalam Mesyuarat Pengurusan akan datang.

Tindakan: P/U

4.3 Prosedur Kelulusan/Mendapat Kelulusan Bertulis Untuk Menyambung Pengajian Pegawai

- 4.3.1 Mesyuarat diminta menjelaskan prosedur mendapat kelulusan Ketua Jabatan bagi permohonan menyambung pengajian secara separuh masa menggunakan pembiayaan sendiri.
- 4.3.2 Mesyuarat juga bersetuju BDPK menyediakan senarai semak/garis panduan bagi permohonan cuti belajar bergaji penuh/separa biasiswa serta permohonan menyambung pengajian separuh masa.
- 4.3.3 Pengerusi menjelaskan kebenaran daripada Ketua Jabatan perlu dipohon berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPA.

Tindakan: TKP/D

4.4 Keutamaan Kenaikan Pangkat Pegawai Pelaksana Yang Menyambung Pengajian Dibawah Tajaan Kerajaan

- 4.4.1 Mesyuarat diminta mempertimbangkan cadangan supaya keutamaan kenaikan pangkat diberikan kepada pegawai pelaksana yang menyambung pengajian dibawah tajaan kerajaan.
- 4.4.2 Pengerusi menjelaskan, tiada keutamaan kenaikan pangkat bagi pegawai pelaksana yang sedang berkhidmat dengan Jabatan. Pemilihan adalah melalui temuduga berdasarkan meritokrasi oleh panel temuduga.
- 4.4.3 Pengerusi turut menekankan supaya pegawai bersedia dari segi pengetahuan berkaitan perkhidmatan penjawat awam serta berketrampilan yang sesuai semasa temuduga.

Makluman

4.5 Permohonan Untuk Jabatan Melaksanakan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Bagi Kumpulan Pelaksana Ke Gred J41

- 4.5.1 Mesyuarat diminta mempertimbangkan cadangan supaya JLN melaksanakan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) bagi pegawai JLN.
- 4.5.2 Mesyuarat dijelaskan Skim Perkhidmatan Arkitek Landskap boleh menggunakan PSL bagi kumpulan pelaksana sedia ada.
- 4.5.3 Pengerusi juga memohon BKP mendapatkan tatacara PSL daripada SPA untuk edaran dan makluman warga JLN.

Tindakan: P/U

5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 Cadangan Lawatan ke Projek JLN

- 5.1.1 Mesyuarat diminta mempertimbangkan cadangan supaya JLN mengadakan lawatan ke projek-projek JLN atau projek luar untuk meningkatkan pengetahuan dan memberi pendedahan kepada pegawai.
- 5.1.2 Pengerusi mengambil maklum dan bersetuju akan cadangan tersebut.

Makluman

5.2 Taklimat Bahan Kepada Warga JLN


- 5.2.1 Mesyuarat diminta mempertimbangkan cadangan supaya menganjurkan taklimat bahan untuk menambah pengetahuan dan memberi pendedahan mengenai bahan-bahan pembinaan baru.
- 5.2.2 Pengerusi bersetuju akan cadangan tersebut dan memaklumkan syarikat pembekal boleh memohon untuk mengadakan taklimat bahan. Mesyuarat juga dimaklumkan bahagian boleh memohon untuk mengadakan taklimat bahan mengikut keperluan projek.

Makluman

6.0 PENUTUP

- 6.1 Pengurus mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah hadir ke mesyuarat kali ini dan mesyuarat tamat pada jam 11.30 pagi.

Disediakan oleh:



..... 2/8/24

WAN ZAFIRAH HANIM BINTI WAN MOHAMAD
Setiausaha Pihak Pegawai MBJ JLN



..... 5/8/24

RAJA FAERULL ASRAF BIN RAJA ALIM
Setiausaha Pihak Pekerja MBJ JLN

